

PERSONALITI RAJA YANG MENJAMIN KELANGSUNGAN INSTITUSI BERAJA DI MALAYSIA

*The Personality of The King That Guarantees The Continuity of The Royal Institution in
Malaysia*

Rohayu Ab Majid¹, Zainal Kling², Ismarani Ismail³

^{1,2,3} Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, Universiti Teknologi MARA

¹rohayumajid@uitm.edu.my, ²zainalkling@uitm.edu.my ³ismarani@uitm.edu.my

Published: 23 June 2021

To cite this article (APA): Ab Majid, R., Kling, Z., & Ismail, I. (2021). Personaliti Raja Yang Menjamin Kelangsungan Institusi Beraja di Malaysia. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(1), 1-8. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol16.1.1.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol16.1.1.2021>

ABSTRAK

Personaliti raja mencerminkan keperibadian seseorang ketua negara. Keperibadian yang cemerlang dan terpuji sewajarnya menjadi pegangan seorang raja, kerana ia mampu memberi impak yang positif terhadap kelangsungan sistem beraja di Malaysia. Namun tidak semua aspek ini memberi impak yang sama ke atas sistem beraja. Kajian ini bertujuan mengkaji sejauhmana personaliti raja itu sendiri memberi impak terhadap kelangsungan sistem beraja di Malaysia. Kajian ini mengguna pakai borang soal selidik sebagai instrumen kajian yang diedarkan kepada 305 orang mahasiswa baru UiTM yang sedang menjalani sesi Minggu Destinasi Siswa. Ia memfokuskan 6 aspek personaliti raja iaitu i) pendidikan, ii) berilmu agama, iii) berakhlak mulia, iv) imej dan perwatakan menarik, v) mesra rakyat dan vi) bijaksana dan berwibawa. Data kajian dijalankan analisis deskriptif dan inferensi menerusi purata skor dan analisis korelasi *Pearson Chi Square*. Hasil kajian mendapati kesemua aspek personaliti raja ini adalah signifikan terhadap kewajaran sistem beraja pada masa kini iaitu pada nilai 0.000. Personaliti raja yang bijaksana dan berwibawa telah mencatatkan nilai korelasi yang paling tinggi terhadap kelangsungan sistem beraja di Malaysia.

Kata Kunci: Personaliti Raja; Kelangsungan; Sistem Beraja

ABSTRACT

The King's personality would reflect their leader status. An excellent and praiseworthy personality should belong by the king as it contributed a positive impact on the monarchy system. However, not all these personality's aspects have the same impact on the monarchical system. This study aims to examine the king's personality and its impact on the survival of the monarchical system in Malaysia. The study used a questionnaire as a research instrument which distributed to 305 new UiTM students who were undergoing a student week session. It focuses on 6 aspects of the king's personality, namely i) education, ii) religious knowledge iii) noble character, iv) attractive image and character, v) people-friendly and vi) wise and authoritative. Study data were conducted descriptive and inferential analysis through mean score and Chi Square Pearson Correlation. The results found out all the king's personality is significant on the legitimacy of the monarchical system (0.000). The wise and authoritative personality of the king has indicated the highest correlation value for the survival of the monarchical system in Malaysia.

Keywords: King Personality; Survival; Monarchy System

PENGENALAN

Raja merupakan individu yang dilihat sebagai ketua negara dan berperanan mentadbir negara dengan adil dan saksama. Kewujudan raja dalam sebuah negara merupakan satu perkara penting dalam menstabilkan dan mengharmonikan kehidupan rakyatnya (Thanh, 2019). Di Malaysia pengamalan Sistem Raja Berperlembagaan merupakan gabungan yang unik antara raja dan rakyat di bawah konsep

demokrasi yang berlangsung dengan jayanya (Muslim, 2014). Hal demikian kerana pentadbiran negara diuruskan oleh wakil rakyat yang terpilih bagi mewakili raja sebagai ketua negara. Manakala raja yang berperanan memayungi rakyatnya dalam segala aspek kebajikan termasuklah aspek ekonomi, keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa peka terhadap perjalanan pentadbiran dan berkuasa mengeluarkan arahan tertentu samada di atas nasihat pihak yang berkaitan maupun mengikut budi bicaranya. Malah konsep giliran sesama raja dalam menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong selama lima tahun sekali jelas menampakkan konsep demokrasi sebenar yang sedang berlangsung sejak sekian lama dalam kalangan raja itu sendiri.

Kelangsungan Sistem Raja Berperlembagaan di Malaysia merupakan perkara asas dalam memartabatkan sebuah negara di persada antarabangsa. Namun kesediaan seorang raja tersebut dalam menggalas tanggungjawab yang diamanahkan merupakan satu perkara yang wajar dititikberatkan dan ia menjadi perhatian dalam kalangan rakyat yang sentiasa peka akan perkembangan kehidupan rajanya. Menurut Ghazali et al. (2019), kelancaran dalam menjalankan tanggungjawab ini amat bergantung kepada personaliti individu terbabit. Jika dahulunya kehidupan seorang raja agak terlindung, namun kini dalam era kemajuan teknologi yang serba canggih, segala maklumat umpama di hujung jari menerusi carian informasi terkini. Justeru personaliti seorang raja pada hari ini sudah mula tular dalam kalangan rakyat jelata. Malah sikap seorang raja itu sendiri yang sedia berkecimpung dalam dunia teknologi masa kini membuatkan mereka menjadi ikutan rakyat jelata (Adhyatma & Handayani, 2016). Pendedahan kehidupan peribadi golongan raja yang dulunya agak sulit untuk dipaparkan, namun telah berubah pada masa kini, yang sekali gus mewujudkan satu hubungan yang mesra antara raja dan rakyatnya. Antara golongan rakyat ini termasuklah rakyat biasa, golongan ulama, golongan pedagang dan golongan hamba (Bahaman, 2015).

Pendedahan ini sebenarnya memberi ruang kepada rakyat mengenal dengan lebih lanjut akan rajanya. Malah personaliti yang merujuk kepada keperibadian (Abd Rasid, 2013) seseorang raja itu dalam meniti perjalanan kehidupannya sehari-hari telah menjadi daya penarik dalam kalangan rakyat jelata sekali gus mewujudkan rasa hormat dan sayang terhadap rajanya. Lazimnya terdapat pelbagai faktor yang mendorong kepada personaliti seseorang (Tharshini & Ibrahim, 2020). Malah menurut Mansor (2016) personaliti seseorang itu akan disesuaikan dengan keperluan dan kehendak sekeliling. Justeru sebagai seorang raja mereka pastinya akan cuba menampilkan personaliti yang memenuhi kehendak rakyat. Apa yang pasti personaliti raja yang menyerlah pastinya mengundang nilai positif dalam kalangan rakyat sekali gus menjamin kelangsungan sistem beraja itu sendiri. Namun wujud juga sikap negatif yang sama sekali tidak menyukai aspek personaliti yang ditonjolkan. Justeru kajian ini bertujuan mengkaji sejauh mana personaliti raja ini menjadi penyambung sistem beraja di Malaysia.

Lazimnya personaliti mencerminkan sifat keperibadian dan nilai murni seseorang individu tersebut (Abd Rasid, 2013), yang mana ditonjolkan dalam kehidupannya (Francia, 2018). Justeru personaliti raja dirujuk kepada keperibadian seorang raja yang disulami dengan sifat yang murni dalam kalangan raja yang terserlah dalam kehidupan seharian mereka dan menjadi perhatian masyarakat masa kini. Antaranya sifat keperibadian raja yang murni ini adalah berpendidikan. Hal demikian kerana raja yang berpendidikan tinggi pastinya mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam sesuatu bidang. Aspek keselamatan yang sentiasa menjadi perkara utama golongan raja telah membuatkan majoriti daripada mereka menghantar anak-anak mereka melanjutkan pendidikan yang lebih tinggi dalam bidang ketenteraan selain bidang ilmu yang lain.

Menurut Hamidifar & Ebrahimi (2016), ketua negara yang berpendidikan juga memainkan peranan yang penting dalam kehidupan sosial rakyatnya. Malah tahap pendidikan yang tinggi dalam kalangan raja sebenarnya berjaya menonjolkan kebijaksanaan raja ini (Roman, 2016; Furnham & Ahmetoglu, 2014) dalam mentadbir sesebuah negara. Menurut Kavas (2016), golongan berpendidikan tinggi cenderung membentuk identiti dan personalitinya yang tersendiri. Malah aspek pendidikan ini juga berjaya memberikan nilai tambah kepada seorang raja (Roman, 2016). Walaupun urusan pentadbiran diuruskan sepenuhnya oleh para pemimpin negara, namun segala tidak tanduk perjalanan pentadbiran amnya di bawah pemantauan seorang raja yang memayungi seluruh rakyatnya. Justeru segala keputusan pentadbiran yang dibuat sentiasa memenangi hati rakyat kerana ilmu pengetahuan yang tinggi

memungkinkan pandangan yang luas dalam dunia pentadbiran secara dinamik dan global. Begitu juga dengan ilmu pengetahuan agama yang baik sering kali mewujudkan kepercayaan yang utuh (Xu, 2019; Cook & Callister, 2010) dalam kalangan rakyat terhadap kebolehan rajanya mentadbir sebuah negara. Justeru pada hemat rakyat, raja yang berpengetahuan tinggi dalam agama Islam pastinya seorang yang adil dan saksama dalam menjalankan tugasnya. Ini selaras dengan peranan Yang di-Pertuan Agong yang juga bertindak sebagai ketua agama dalam pentadbiran Malaysia (Muslim & Buang, 2012).

Raja yang mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam agama juga dilihat mempunyai akhlak yang mulia (Cook & Callister, 2010). Dalam hal ini, agama Islam itu sendiri amat menerapkan sikap yang luhur, baik dan terpuji. Menurut Adua (2020), pemimpin yang beragama cenderung menjaga kebajikan dan menghormati orang bawahannya. Justeru akhlak yang mulia ini juga menjadi personaliti yang penting kepada seorang raja kerana sikap menghormati rakyatnya tetap wujud dalam sanubari walaupun bergelar seorang pemerintah tertinggi. Menurut Minnis (1999), golongan yang berpengetahuan tinggi dalam agama juga turut menjadi idola dan ikutan orang lain.

Menurut Johar (2011), personaliti yang stabil pada diri seseorang ketua dapat memberikan kesan yang signifikan terhadap orang bawahannya. Justeru imej dan perwatakan yang menarik serta menawan dalam kalangan raja turut menjadi perhatian rakyat jelata (García & Troyano, 2013). Malah ia mula menjadi ikutan rakyat (Abd Rasid, 2013) yang amat menitikberatkan imej dan penampilan. Perwatakan yang menarik di samping mempunyai sikap yang mesra rakyat menjadikan seorang raja tersebut sebagai pemerintah yang berkualiti (Talin et al., 2020) sekali gus mendekatkan hubungan antara rakyat dan rajanya. Malah ia turut menimbulkan rasa daulat dalam kalangan rakyat terhadap raja yang bertahta.

Personaliti raja juga turut dilihat kepada tindak tanduk seorang raja yang berwibawa. Kebijaksanaan yang dimiliki menerusi tahap pendidikan yang tinggi tadi lazimnya menonjolkan kewibawaan seorang raja sebagai ketua negara (Issah, 2020), yang mempunyai pendirian positif dalam kehidupannya. Personaliti ini juga sebenarnya menampakkan tahap kebijaksanaan seorang raja dalam mengenengahkan pendapat mahupun buah fikiran ke atas sesuatu perkara khususnya berkaitan dengan isu semasa negara.


Kesemua personaliti raja ini iaitu i)berpendidikan, ii)berilmu dalam Agama Islam, iii)berakhlak mulia, iv)berimej dan berperwatakan yang menarik, v)mesra rakyat serta vi)bijaksana dan berwibawa, sememangnya menonjolkan nilai jati diri yang tersendiri ke atas seseorang raja, sekali gus menyumbang moral yang baik dalam kalangan rakyat sendiri (Fang, 2020). Namun dalam memiliki segala personaliti ini, raja seharusnya cenderung bersikap proaktif dalam memastikan kelangsungan sistem beraja ini. Hal ini dikatakan demikian kerana pelbagai personaliti raja tadi memberi impak yang tersendiri ke atas keupayaan seseorang raja itu menjalankan tugasnya sebagai pemerintah tertinggi negara.

Dalam pandangan rakyat jelata, segala sifat positif yang terkandung dalam personaliti raja tadi pastinya menjanjikan kebolehan seorang raja tadi mentadbir negara pada masa hadapan dengan lebih baik (Xu, 2019). Keupayaan mentadbir ini bukan sahaja mewujudkan pengurusan yang terbaik dalam sistem pentadbiran malah memenuhi keperluan dan kesesuaian pentadbiran khususnya dalam zaman yang sangat mencabar. Justeru perhatian khusus wajar diberikan ke atas personaliti yang memberikan impak yang tinggi ke atas pandangan dan kepercayaan rakyat selama ini. Personaliti yang lebih menjurus kebolehan mentadbir seorang raja itu wajar didalami dengan mendalam agar rasa cinta dan yakin rakyat terhadap rajanya terus kukuh sekali gus menjamin kelangsungan sistem beraja pada masa hadapan.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif menerusi borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Responden terdiri daripada 305 orang mahasiswa yang sedang melanjutkan pengajian di institut pengajian tinggi awam. Pemilihan responden yang merupakan golongan muda serta bakal pemimpin masa hadapan, adalah kerana mahu mendapatkan pandangan terhadap keberadaan institusi beraja pada masa ini serta kelangsungannya pada masa hadapan. Instrumen ini mengenengahkan enam personaliti raja iaitu berilmu agama, berpendidikan, mesra rakyat, bijaksana dan berwibawa, berakhlak mulia serta berimej dan berperwatakan menarik. Instrumen juga mengenengahkan pemboleh ubah yang mewakili


kelangsungan sistem beraja yang terdiri daripada tiga perkara yang berhubungan iaitu pengurusan pentadbiran yang baik, kesesuaian pentadbiran masa kini dan pengekalan sistem beraja dalam sistem pentadbiran negara. Data kajian dianalisis menggunakan aplikasi SPSS (*Special Package for Social Science*) versi 21. Hasil analisis diskriptif dipaparkan ke atas skor purata personaliti raja. Ia kemudiannya dijalankan analisis korelasi antara skor personaliti raja bersama dengan tiga pemboleh ubah 'kelangsungan sistem beraja' menerusi Korelasi *Person Chi Square*.



Rajah 1: Kerangka Teoritik Kajian

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian memaparkan enam personaliti raja yang dikaji mencatatkan pencapaian skor yang berbeza. Berdasarkan skala skor antara 1 sehingga 5, personaliti raja-berakhlak mulia mencatatkan nilai skor paling tinggi (4.87) disusuli dengan personaliti raja-berimej dan berperwatakan menarik (4.86) serta personaliti raja-berilmu dalam Agama Islam (4.85). Manakala personaliti raja-mesra rakyat dan personaliti raja-bijaksana & berwibawa masing-masing mencatatkan skor 4.83 dan 4.84. Secara keseluruhannya, lima personaliti raja ini tidak mencatatkan perbezaan nilai skor yang banyak, hanya sekadar perbezaan satu mata skala. Namun personaliti raja-berpendidikan menunjukkan pencapaian yang agak rendah dengan capaian skor 4.76. Walau bagaimanapun secara keseluruhannya kita dapat lihat pandangan rakyat terhadap personaliti raja ini adalah tinggi kerana majoritinya melebihi 4.5 dari skor penuh (5) iaitu kadar capaian melebihi dari 90%. (Rajah 2).



Rajah 2: Skor personaliti raja dari pandangan mata rakyat

Jadual 1 memaparkan status signifikan enam personaliti raja ke atas kelangsungan sistem beraja di Malaysia. Menerusi nilai Asymp. Sig. (2-Sided) dalam *Chi-Square Tests*, didapati kesemua personaliti raja yang dikaji memaparkan status sangat signifikan dengan catatan nilai 0.00 untuk kesemua tiga pemboleh ubah bagi kelangsungan sistem beraja di Malaysia. Ini jelas menunjukkan bahawa personaliti

raja ini amat penting dalam meyakinkan rakyat Malaysia bahawa raja yang memerintah sekarang dapat mentadbir negara dengan baik, dan Sistem Raja Berperlembagaan yang diamalkan masih relevan pada masa kini dan wajar dikekalkan pada masa hadapan.

Jadual 1: Status signifikan personaliti raja ke atas kelangsungan sistem beraja di Malaysia

Komponen	Elemen	Pendidikan	Berilmu Agama	Berakhlak Mulia	Berimej dan Berperwatakan menarik	Mesra Rakyat	Bijaksana dan Berwibawa
Kelangsungan sistem beraja	I) Kewujudan sistem pengurusan yang terbaik dalam pemerintahan negara.	.000	.000	.000	.000	.000	.000
	II) Menjadikan Sistem Raja Berperlembagaan masih relevan di Malaysia	.000	.000	.000	.000	.000	.000
	III) Mendorong pengekalan sistem beraja pada masa hadapan	.000	.000	.000	.000	.000	.000
Status Signifikan		√	√	√	√	√	√

Jadual 2 menunjukkan nilai hubungan yang wujud antara enam personaliti raja yang dikaji bersama dengan tiga aspek kelangsungan sistem beraja di Malaysia menerusi nilai korelasi *Person Chi Square*. Secara amnya, pemboleh ubah III (pengekalan sistem beraja pada masa hadapan) mencatatkan hubungan yang tinggi dengan semua personaliti raja yang dikaji. daripada hubungan ini, personaliti raja bijaksana dan berwibawa mencatatkan nilai korelasi yang paling tinggi iaitu 113.533a, disusuli dengan personaliti raja berimej dan berperwatakan menarik (107.848a), personaliti raja berilmu agama (93.543a), personaliti raja berpendidikan (86.412a), personaliti raja berakhlak mulia (71.237a) dan personaliti raja mesra rakyat (61.416a).


Manakala personaliti raja yang berimej dan berperwatakan yang menarik dilihat telah menyumbang nilai korelasi yang tinggi ke atas pemboleh ubah ke-II iaitu menjadikan sistem raja berperlembagaan masih relevan pada masa kini dengan catatan 105.055a. Namun peranan personaliti raja ini di dalam mewujudkan sistem pengurusan yang terbaik dalam pemerintahan negara agak rendah iaitu antara 41.023a sehingga 70.737a. Ini mungkin disebabkan oleh peranan raja yang kurang menonjol dalam pentadbiran negara kerana segala urusan pentadbiran negara telah diwakilkan kepada pasukan pemimpin negara yang telah dipilih oleh rakyat. Namun begitu keperibadian seorang raja dalam memiliki personaliti yang menarik, disamping seorang yang bijaksana dan berwibawa telah berjaya mendorong keyakinan rakyat untuk terus menerima Sistem Raja Berperlembagaan dalam pentadbiran negara pada masa ini dan masa hadapan.

Jadual 2: Nilai Korelasi personaliti raja dan kelangsungan sistem beraja di Malaysia

Komponen	Pemboleh ubah	Pendidikan	Berilmu Agama	Berakhlak Mulia	Berimej dan Berperwatakan menarik	Mesra Rakyat	Bijaksana Dan Berwibawa
kelangsungan sistem beraja	I) Kewujudan sistem pengurusan yang terbaik dalam pemerintahan negara.	54.656 ^a	41.023 ^a	46.551 ^a	70.737 ^a	48.048 ^a	70.008 ^a

II) Menjadikan Sistem Raja Berperlembagaan masih relevan Di Malaysia	73.433 ^a	54.403 ^a	65.916 ^a	105.055 ^a	57.416 ^a	104.978 ^a
III) Mendorong pengekal sistem beraja pada masa hadapan	86.412 ^a	93.543 ^a	71.237 ^a	107.848 ^a	61.416 ^a	113.533 ^a

Seterusnya Rajah 3 menunjukkan perbandingan kadar hubungan yang wujud antara enam personaliti raja yang dikaji bersama dengan tiga aspek yang menjurus kepada kelangsungan sistem beraja di Malaysia. Secara amnya, personaliti raja bijaksana dan berwibawa mencatatkan hubungan yang ketara dengan skor 100% bagi dua pemboleh ubah kelangsungan sistem beraja selain imej dan perwatakan yang menarik dalam kalangan raja yang turut mencatatkan nilai 100%. Manakala personaliti raja berilmu agama pada umumnya mencatatkan nilai terendah dalam urusan sistem pentadbiran negara (41%), namun mencatatkan nilai hubungan yang agak tinggi ke arah pengekal sistem beraja pada masa hadapan. Ini mungkin berpunca dari peranan raja itu sendiri sebagai ketua Agama Islam kurang ditonjolkan ekoran pelaksanaan tugas tersebut seperti mengetuai majlis agama dan menerajui program agama dilakukan oleh menteri dan pegawai yang bertugas. Namun personaliti ini amat penting dalam memastikan sistem beraja terus berlangsung pada masa hadapan. Hal demikian kerana, raja yang berpegang kuat dengan nilai-nilai Islam pastinya menzahirkan kehidupan yang berlandaskan hukum syariah yang mana amat mengutamakan kepentingan rakyat tidak mengira bangsa maupun agama.




Rajah 3: Perbezaan hubungan antara personaliti raja dengan aspek kelangsungan sistem beraja di Malaysia

Secara keseluruhannya, enam personaliti raja yang dikaji memberi kesan kepada kelangsungan sistem beraja di Malaysia. Rajah 4 membuktikan bahawa raja yang mempunyai personaliti yang menarik serta bijaksana dan berwibawa mencatatkan kesan antara 88% hingga 90% ke atas keyakinan rakyat dalam menerima baik Sistem Raja Berperlembagaan di dalam negara ini. Pendidikan tinggi dalam kalangan raja (65%) pastinya mendorong kepada kebijaksanaan mereka dalam pembuatan keputusan, namun kewibawaan pada diri seorang raja lebih mengatasi segala keyakinan rakyat ditambah dengan personaliti yang dapat menambat hati rakyat tidak kira kaum maupun bangsa. Manakala tiga lagi personaliti raja iaitu mesra rakyat, berilmu dan berakhlak mulia hanya mencatatkan nilai yang sederhana dalam lingkungan 49% - 57% ke atas pandangan rakyat dalam menerima baik sistem beraja. Perkara ini mungkin berpunca dari pendedahan kehidupan raja di media sosial yang banyak memfokuskan aktiviti

sendiri tanpa melibatkan aktiviti maupun program bersama rakyat, selain hubungan yang berlangsung secara alam maya tanpa melibatkan aktiviti fizikal secara bersama.

Rajah 4: Personaliti raja yang menjamin kelangsungan sistem beraja di Malaysia



KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian yang telah dijalankan ini telah berjaya mengengahkan enam personaliti seorang raja yang wajar dimartabatkan sebagai perkara penting dalam kehidupan seharian. Personaliti seorang raja dari aspek i)pendidikan, ii)berilmu agama iii)berakhlak mulia, iv)imej dan perwatakan menarik, v)mesra rakyat dan vi)bijaksana dan berwibawa, masing-masing telah terbukti mempunyai impaknya yang tersendiri ke atas kesinambungan sistem beraja di Malaysia. Kebijaksanaan dan kewibawaan seorang raja disamping imej dan perwatakan yang baik telah berjaya menarik perhatian rakyat untuk terus menyokong keberadaan Institusi Beraja ini. Justeru kombinasi dua personaliti ini amatlah penting untuk disuburkan dalam kehidupan golongan beraja, kerana ia mampu menyemai rasa hormat dan cinta dalam kalangan rakyat terhadap golongan ini. Berlandaskan sokongan padu rakyat jelata yang berlaku secara tidak langsung hasil paparan personaliti ini juga dilihat telah berjaya menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat tidak mengira bangsa maupun agama.

Manakala empat aspek personaliti lagi iaitu pendidikan, berilmu agama, berakhlak mulia dan mesra rakyat wajar diketengahkan dan dimantapkan oleh golongan beraja. Purata skor persepsi responden bagi kesemua enam personaliti yang dikaji telah memaparkan kadar pencapaian yang baik, namun empat darinya mencatatkan impak yang sederhana ke atas kesinambungan Institusi Beraja. Ini membuktikan peranan dan tanggungjawab yang digalas oleh Institusi Beraja selama ini kurang berkait dengan empat aspek personaliti ini. Justeru sebanyak manapun pencapaian skor yang terhasil ke atas empat aspek personaliti ini, ia sama sekali kurang menyumbang ke atas kesinambungan Institusi Beraja.

Sehubungan itu, segala tugas dan tanggungjawab yang telah dimanahkan ke atas golongan Beraja wajar dilihat semula dari aspek gerak kerja dan prosedur perlaksanaannya. Satu titik pertemuan antara perjalanan tugas dan tanggungjawab seorang raja bersam 4 aspek personaliti tadi perlu dikenalpasti bagi mewujudkan nilai hubungan sejati antara raja dan rakyat jelata. Usaha ini bukan sahaja dapat mewujudkan hubungan yang erat antara raja dan rakyat, malah ia dapat mengelakkan pandangan negatif dan tidak berasas oleh rakyat sekalian terhadap rajanya, sekali gus mendokong Institusi Beraja di samping melancarkan sistem pemerintahan negara amnya. Justeru hasil kajian ini amat signifikan dalam memaparkan betapa pentingnya personaliti seorang raja, serta penekanan personaliti ini dalam peranan dan bidang tugas Institusi Beraja itu sendiri demi kelangsungan sistem beraja di dalam Malaysia.

RUJUKAN

Abd Rasid, N. H. (2013). *Halangan Personaliti dalam E-Pembelajaran di Politeknik: Satu Kajian Kes*

- Kualitatif*, Tesis Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia. http://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/4185/1/NOR_HAFIFAH_ABD_RASID.pdf
- Adua, S. S. (2020). The Attitude of Religious Leaders towards Violence in Nigeria: Case Study of Mosques and Churches. *International Journal of Islamic Thought*, 17, 101–110
- Adhyatma, M. D., R. & Handayani. M. M. (2016). Pengaruh penerapan Positive Behaviour Support terhadap pembangunan Budaya Inklusi. *INSAN*, 1 (1), 22-34
- Bahaman, B. (2015). Konsep rakyat dan peranannya dalam negara. *Jurnal Peradaban Melayu*, 10, 123–134.
- Cook, A., & Callister, R. R. (2010) Increasing Positive Perceptions of diversity for Religious Conservative student. *Creative Education*, 2, 93–100.
- Fang Y. (2020). On the Moral Characteristics in the Perspective of Caring Ethics. *Open Journal of Social Sciences*, 8, 106-114. DOI: <https://doi.org/10.4236/jss.2020.89007> Sep. 16, 2020, 106.
- Francia V. H. R. (2018). The Affective Moral Judgment. *Open Journal of Philosophy*, 8, 225-242. DOI: <https://doi.org/10.4236/ojpp.2018.83017>.
- García A. J., & Troyano Y. (2013) Different Ways of Perceiving the Aging Process: Social Behaviors of Women and Men in Relation to Age Discrimination. *Psychology*. 4 (3A), 279–282. <http://dx.doi.org/10.4236/psych.2013.43A041>.
- Ghazali, I., Mohd Khir, A., & Ismail, Z. (2019). Faktor personaliti dan kepuasan kerja dalam kalangan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA), Polis Diraja Malaysia di Selangor. *Malaysian Journal of Social science and Humanities (MJSSH)*, 4(3), 114–127.
- Hamidifar, F., & Ebrahimi, M. (2016). Academic Leadership in a Private University: The Iranian Case Study. *International Educational Studies*, 9, 193. <https://doi.org/10.5539/ies.v9n5p193>.
- Issah M. (2020). Leadership Behavior Analysis: The Case of Three Academic Middle-Level Leaders in Higher Education. *Open Journal of Leadership*, 9, 141-155. DOI: <https://doi.org/10.4236/ojl.2020.93009>
- Johar S. S. (2011) Dimensi Personaliti Psikotisme Di Kalangan Ketua Dan Impaknya Terhadap Estim Kendiri Pekerja Di Tempat Kerja. *International Conference on Humanities International Conference on Humanities*, 1-22.
- Kavas E. (2016). Stress Coping Attitudes Based on Perceived Religiousness and Received Religious Education. *Psychology*, 7, 382–398.
- Mansor S., Jusoh M. A., & Yahaya R. (2016). Iklim organisasi, ciri personaliti dan prestasi kerja syarikat teras bumiputera. *Jurnal Peradaban Melayu*, 11, 56–64.
- Minnis J. R. (1999). Is reflective practice compatible with Malay-Islamic values? Some thoughts on teacher education in Brunei Darussalam. *Australian Journal of Education*, 43(2), 72–85.
- Muslim N. (2014). Institusi Raja-Raja Melayu: Peranannya dalam Memelihara Kedudukan Islam dari Sudut Perlembagaan. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 2(2), 121–127.
- Muslim N., & Buang A. H. (2012). Islam dalam perlembagaan persekutuan dari perspektif hubungan etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 20, 115–129.
- Roman V. (2016). The Education of The New Generation. *Social-Behavioural Sciences, Revista Academiei Fortelor Terestre* Nr. 3 (83), 230–236.
- Talin R., Sharid S., Bikar Singh S. S., & Karim, M. S. (2020) Ciri personaliti Berkualiti Guru Sejarah Tingkatan Enam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(1), 32– 39.
- Thanh, N. H. (2019). Leaders' Personality in International Integration in Vietnam. *Open Journal of Leadership*, 8, 23-39.
- Tharshini N. K., & Ibrahim, F. (2020). Faktor-faktor berisiko yang menyumbang kepada tingkah laku devian: Satu kajian ulasan sistematik. *Jurnal Perspektif*, 12(1), 2462-2435.
- Xu S. (2019). A Review of the Effectiveness and Boundary Conditions of Leader Humility. *Journal of Service Science and Management*, 12, 234-245. DOI: <https://doi.org/10.4236/jssm.2019.12201> Feb. 27, 2019. 234.